

JPS beri tempoh tiga hari

Kontraktor digesa segera selesai masalah benteng pecah untuk jangka panjang

SABAK BERNAM – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memberi tempoh tiga hari bermula semalam kepada kontraktor bertanggungjawab untuk mengambil tindakan komprehensif bagi menyelesaikan masalah benteng sementara di Bagan Nakhoda Omar yang pecah, sejak Jumaat lalu.

Jurutera Daerah Sabak Bernam, Abdul Aziz Mohamed Yusof berkata, benteng sementara itu adalah di bawah tanggungjawab kontraktor yang terlibat dalam projek membina dan menyiapkan sebuah kunci air untuk menaik taraf sistem saliran serta kerja-kerja berkaitan.

Menurutnya, kontraktor sudah diarahkan membaiki pulih benteng sementara yang pecah itu untuk penyelesaian



Keadaan terkini benteng sementara di Bagan Nakhoda Omar yang pecah, sejak Jumaat lalu.

jangka panjang sehingga projek berkenaan selesai.

“Kontraktor bertanggungjawab digesa supaya mengambil tindakan pan-

tas untuk menangani masalah ini,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Semalam *Sinar Harian* melaporkan dakwaan pen-

duduk bahawa permasalahan benteng itu semakin kritikal berbanding pada hari pertama ia pecah.

Kerosakan benteng itu di-



ABDUL AZIZ

lihat semakin merebak iaitu kira-kira lima meter di bahagian kiri dan kanan benteng.

Keadaan itu mendatangkan kebimbangan kepada mereka sekiranya berlaku air pasang besar seperti yang dijangkakan atau hujan jika benteng berkenaan tidak dibaik pulih segera.

Bagaimanapun, difahamkan sehingga semalam, tiada

kerja baik pulih dijalankan pihak kontraktor terlibat biar-pun arahan telah dikeluarkan JPS.

Pada masa sama, Abdul Aziz berkata, kontraktor diarahkan untuk mengambil tindakan segera mengatasi masalah berkenaan untuk sementara waktu memandangkan faktor air pasang yang tidak menentu.

“Dijangkakan dalam tempoh dua tiga hari ini, air pasang besar akan berlaku dan kita bimbang keadaan benteng itu akan lebih kritikal,” katanya.

Dalam perkembangan terbaru, penduduk mendakwa, masalah benteng pecah bertambah kritikal berbanding semalam, sekaligus menambahkan lagi kebimbangan mereka.